

22/09/1998

Pelbagai pihak minta rakyat bertenang

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelbagai pihak hari ini meminta rakyat bertenang dan menerima kenyataan berhubung penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim malam tadi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad, menggesa penyokong Anwar dan ahli Umno Pulau Pinang menerima hakikat yang anggota parti haruslah berdiri teguh di belakang kerajaan dan mematuhi undang-undang negara.

Ibrahim yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, penyokong Anwar tidak sepatutnya melakukan kacau-bilau.

"Sebagai orang yang pernah bersama Anwar, saya akan membuat penjelasan kepada semua ahli Umno mengenai perkara ini dan saya meminta penyokong Anwar menerima hakikat sebenar," katanya.

Ibrahim akan memulakan sesi penerangan itu di Bahagian Tanjung pada 28 September dan kemudian di bahagian lain di Pulau Pinang termasuk di Permatang Pauh.

Menurutnya, penerangan itu bertujuan mengelak kekeliruan orang ramai kerana Anwar adalah bekas Ketua Perhubungan Umno negeri itu.

Beliau juga berkata, Umno Pulau Pinang tetap dengan keputusan MT dan memberi kepercayaan penuh kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu itu.

Di MACHANG, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta rakyat bertenang dan menghadapi masalah politik secara bijaksana tanpa mencetuskan keadaan yang tidak diingini.

Beliau berkata, rakyat perlu mengambil dan mengamalkan semangat kesukanan yang lahir dalam Sukan Komanwel ke-16 berakhir hari ini.

"Kalau boleh tak payah lanjutkan lagi (kegawatan politik), guna semangat kesukanan. Insyallah masalah gawat politik ini dapat ditangani secara bijaksana," katanya.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, rakyat termasuk pemimpin perlu mengamalkan hadis yang bermaksud "orang gagah ini bukan bererti orang yang boleh rebahkan lawan tetapi orang gagah ialah orang yang dapat mengawal kemarahannya".

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar menasihatkan penyokong Anwar supaya kembali semula ke pangkal jalan serta menghentikan tindakan ganas kerana ia tidak menguntungkan mana-mana pihak.

Abu Zahar berkata, negara mempunyai perundangan serta peraturan dengan setiap seorang, kumpulan atau orangnisasi yang hendak mengadakan perjumpaan hendaklah mengikut peraturan.

Menurutnya, keganasan bukan budaya rakyat Malaysia dan patut dihentikan.

"Saya nasihatkan penyokong Anwar balik kepada sedia kala dan jangan lanjutkan tindakan ganas," katanya.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar meminta rakyat Selangor bertenang dan tidak terbabit dalam sebarang kejadian tidak diingini berikutan penahanan Anwar.

Menurutnya, rakyat Selangor perlu menyerahkan kes Anwar kepada pihak berkuasa dan membiarkan undang-undang menentukan kedudukan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Beliau berkata, rakyat Selangor tidak sepatutnya menyertai kumpulan penyokong Anwar sebaliknya meneruskan tugas masing-masing seperti biasa.

"Di Selangor, kita tiada masalah dan keadaan keselamatan di negeri ini memuaskan dan semuanya berjalan seperti biasa.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Abdul Fatah Iskandar turut meminta semua lapisan masyarakat supaya bertenang dan bersabar.

"Tindakan melulu dan beremosi tidak akan menyelesaikan masalah. Kita hendaklah berhemah dan menunjukkan ketertiban dalam kepemimpinan.

"Sebagai pemimpin, kita perlu menterjemah tindakan kita dengan mengambil kira kepentingan agama, bangsa dan negara dari kepentingan diri," katanya dalam satu kenyataan.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berharap supaya seluruh rakyat, terutama belia supaya menerima perkembangan terbaru itu dengan sabar, tenang dan bijaksana.

"Kita harus mengelak daripada menjadi emosional dan terbawa-bawa dengan peristiwa ini," katanya.

Presiden Jemaah Islah Malaysia (JIM), Saari Sungib, berkata JIM kesal terhadap tindakan kumpulan yang berarak ke Sri Perdana petang semalam.

"JIM tidak merestui pergerakan ke Sri Perdana dan yakin Anwar tidak mengarahkan perarakan berkenaan," katanya.

Di IPOH, pemimpin dan ahli Umno di negeri ini dinasihatkan tidak melanggar undang-undang, sebaliknya bertindak mengikut budaya negara ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Zaim Abu Hassan, berkata menjadi tanggungjawab semua rakyat khususnya ahli Umno di Perak untuk berdiri di belakang kepemimpinan Perdana Menteri.

"Badan Perhubungan menasihatkan supaya pemimpin dan ahli jangan bertindak di luar batasan undang-undang kerana ia akan memalukan negara sendiri dengan kehadiran ramai tetamu luar negara," katanya.

Di KANGAR, Setiausaha Kehormat Belia 4B Perlis, Hashim Suboh, berkata ahli politik perlu meletakkan kestabilan dan keselamatan awam sebagai utama berbanding agenda peribadi yang boleh menggugat keamanan negara.

Menurutnya, adalah sangat tidak wajar bagi Anwar membakar semangat penyokongnya untuk menimbulkan kekacauan.

(END)